

## Menelusuri Pemikiran Datuk Jaafar Abdul Rahim: Aktivist Sastera dan Tokoh Pemikiran Kreatif

Azman Mat Isa  
Fatimah Azzahra Shaharom  
Najaa Wahida Rosly  
Nordiana Mohd Nordin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, PuncakPerdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak

*Artikel ini berdasarkan sumber pertama iaitu sejarah lisan. Ianya melibatkan tokoh aktivis sastera tersohor iaitu Datuk Jaafar Abdul Rahim. Banyak perkara yang di sentuh dalam artikel ini. Antaranya, mengenai kisah latar belakang, bidang kesusasteraan, pemikiran kreatif atau pemikiran lateral, gagasan pemikiran kreatif, penglibatan dalam aktiviti persatuan, pencapaian dan anugerah yang dikecapi. Karya-karya kreatif beliau digunakan oleh generasi muda. Beliau juga menjadi sumber rujukan oleh para pelajar universiti dan pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai bidang penulisan, kesusasteraan dan pemikiran kreatif.*

**Kata Kunci:** Jaafar Abdul Rahim, Kesusasteraan, Pemikiran Kreatif, Pencinta Buku

### Latar Belakang

“Buku adalah dunia yang cukup unik, tersendiri dan penuh pesona. Dalam keadaan usia semacamnya, orang pasti sibuk ke masjid, tambah ibadah, tetapi belum pasti bertambah ilmu, sedangkan beliau sibuk ke kedai buku, tambah buku, tetapi pasti bertambah ilmu. Mengenalinya ibarat mengenali ensiklopedia yang berjalan (*walking encyclopedia*). Beliau mengingati dengan mudah buku terkini, pengarang tersohor dan terpinggir, dan karya yang menggugah pemikiran. Pembacaannya cukup luas, daripada yang mudah hingga yang sepayah-payahnya daripada pemikiran lateral kepada pemikiran wacana tinggi, daripada agama hingga falsafah. Pokoknya, pembacaannya merentasi pelbagai disiplin ilmu.

Pernyataan di atas merujuk kepada Datuk Jaafar Abdul Rahim bibliofil, aktivis sastra dan penulis tersohor tanah air yang dilahirkan pada 27 November 1950 di Kuala Kurau, Perak Darul Ridzuan. Jaafar mempunyai tabiat luar biasa dalam membaca, membeli dan mencintai buku. Memang dalam diri bibliofil (pencinta buku) terkumpul harmonis sifat rakus membaca, tamak mengumpul buku, dan membeli buku serta mengagumi buku. Oleh kerana itulah Jaafar menjadi rujukan “kepada pelajar universiti termasuklah para pensyarah dan para profesor sendiri”. Kegilaannya itu menyebabkan dia menguasai pemikiran falsafah, pemikiran kreatif, dan pemikiran wacana tinggi. Beliau fasih berbicara tentang karya-karya pemikir Islam kontemporari seperti Annemarie Schimel, Murtada Muthahari, Seyyed Hossein Nasr dan tentu sekali pemikiran Syed Naquib Al-Attas. Ini belum masuk lagi kemampuan beliau menguasai pemikiran tokoh falsafah Barat seperti Jacques Derrida, Huston Smith, Edward de Bono dan lain-lain lagi.

### **Pendidikan**

Jaafar Abdul Rahim mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuala Kurau, Perak pada tahun 1957 daripada darjah satu sehingga darjah enam. Jaafar mendapat pendidikan di peringkat menengah di sekolah bernama Government English Secondary School Bagan Serai, Perak pada tahun 1963 daripada tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Dan Jaafar mendapat pangkat tiga (3) dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bermula zaman sekolah menengah, minat beliau terhadap dunia perbukuan mula bercambah. Jaafar menggemari subjek Bahasa Melayu, Sejarah dan Geografi (Ilmu Alam).

Menurut Jaafar, disebabkan minat terhadap buku dan pembacaan, setiap minggu pada hari Sabtu dan Ahad, beliau perlu mengayuh basikal sejauh 15 km (kilometer) semata-mata untuk mendapatkan sebuah buku di samping mendapatkan bahan bacaan di perpustakaan sekolah. Selain itu, menurut Jaafar, untuk mendapatkan sebuah kamus *Oxford English Dictionary*, beliau perlu menaiki tiga atau empat buah bas untuk ke Ipoh, Perak semata-mata untuk memenuhi keinginan mendapatkan sebuah kamus.

Selain itu, beliau juga mendapat pendidikan tinggi di Universiti Sains Malaysia dalam Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Politik. Jaafar memilih untuk menyambung pengajian sebagai pelajar luar kampus (PLK) pada tahun 1984 dan bergraduasi pada tahun 1991 kerana ketika itu beliau bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Pegawai Perancang Bahasa, Bahagian Teori dan Kritikan Sastera.

### **Pekerjaan Yang DiCeburi**

Jaafar pernah bertugas sebagai Penolong Pengarang Majalah Dewan Masyarakat, editor buku dan kemudiannya bertugas di Bahagian Teori dan Kritikan Sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)<sup>1</sup>. Ketika bertugas di DBP, Jaafar banyak membaca dan menulis mengenai kritikan sastera, pemikiran kreatif dan menghasilkan banyak esei tentang keilmuan, pemikiran, peradaban dan falsafah.

Menurut Jaafar, berkhidmat di DBP adalah satu penghormatan dan kejayaan buat dirinya. Pada ketika itu, bukan calang-calang orang diberi penghargaan untuk bekerja di DBP yang lebih kenali sebagai Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Jaafar pernah menceritakan ketika di zaman persekolahannya, beliau mendapat cabaran daripada Cikgu Yusof Maidin (guru Bahasa Melayu) untuk bekerja di DBP kerana kemahirannya menguasai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bermula dari itu Jaafar menyahut cabaran yang diberikan oleh gurunya dan ini terbukti bahawa Jaafar bekerja di DBP sehingga persaraannya pada tahun 2006 setelah berkhidmat selama 32 tahun.

### **Pembabitan dalam Bidang Kesusasteraan**

#### **• Penulisan**

Jaafar Abdul Rahim menjadi penulis sejak tahun 1969 pada usia 19 tahun dalam akhbar Berita Harian, mengenai sensitiviti dan kesedaran penduduk setempat yang tidak ambil peduli mengenai sampah di pekan Kuala Kurau, tempat asal beliau dibesarkan. Kesedaran terhadap alam sekitar ini lalu menimbulkan rasa minat mengenai penulisan dalam kehidupannya. Tulisan beliau pertama kali tersiar dalam majalah Mastika pada Ogos 1974. Menurut

---

<sup>1</sup>Sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab menggerak dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.

Jaafar, dengan penulisannya ia memberikan impak yang positif malah jasanya dihargai oleh pihak berkuasa pada waktu itu. Jaafar kemudiannya mengembangkan penulisannya dalam bidang falsafah, peradaban, kesarjanaan dan keintelektualan.

Selain itu, Jaafar adalah kolumnis '*Dunia Pemikiran bersama Jaafar Rahim*' dalam akhbar Utusan Malaysia sekitar tahun 1993 hingga 1996 setiap hari Rabu. Malah tulisannya tersiar dalam pelbagai akhbar lain seperti Mingguan Malaysia, Utusan Melayu, Berita Harian, Berita Minggu. Tidak lupa juga dalam majalah setempat seperti Dewan Masyarakat, Dewan Sastera, Dewan Budaya, Dewan Siswa, Dewan Pelajar, Jurnal Dewan, Dian dan Santajiwa. Minat beliau terhadap bidang penulisan tidak terhenti hanya menulis dalam pelbagai akhbar dan majalah setempat sahaja. Jaafar juga telah menghasilkan tiga buah buku yang bertajuk *Misteri Dalam Sains* diterbitkan pada tahun 1989, *Aksioma* (2012) dan buku terbarunya, *Dunia Pemikiran Jaafar Rahim* diterbitkan pada tahun 2015. Tidak lupa juga, pada tahun 2014, beliau menulis kritikan mengenai "*Kritikan psikoanalitik klasik: Suatu penilaian dari sudut Islam*" diterbitkan oleh Penerbit Matahari, Tanjung Malim. Kini, Jaafar sedang giat menulis buku tentang pembinaan minda Melayu abad ke-21 dan pemikiran P. Ramlee.

Menurut Jaafar, seorang penulis perlu mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan untuk menjadi penulis yang berilmu dan berwibawa. Komitmen dan disiplin yang tinggi juga perlu ada dalam setiap diri dan jiwa seorang penulis. Bukan mudah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada manusia. Oleh itu, penulis yang intelektual perlu mempunyai daya pembacaan dan pemikiran yang tinggi. Dengan gabungan pembacaan dan pemikiran maka terhasil sebuah penulisan yang berkualiti, intelektual dan memberi impak yang positif kepada pembacanya.

- **Pembacaan**

"Buku bagi saya ibarat air yang menyirami dan menyegarkan taman ilmu yang sentiasa subur. Buku tidak pernah letih daripada memberikan kita ilmu pengetahuan, idea dan intelektual yang baharu", kata Datuk Jaafar Abdul Rahim dalam ceramahnya dalam Seminar Pencinta Buku Malaysia pada

tahun 2006<sup>2</sup>. Daripada pernyataan di atas jelas dikatakan bahawa rasa kecintaan dan minat beliau terhadap buku tiada tolok bandingnya. Bagi beliau, buku adalah universiti dan kitab pegangan yang menyuluh kehidupan yang kelam lalu menukarkannya kepada kehidupan yang lebih terang, cerah dan memberikan harapan kepada manusia yang gagal dan berputus asa dalam kehidupan.

Selain itu, minat beliau terhadap dunia perbukuan tidak dapat disangkal lagi apabila beliau mengingati setiap buku yang dibeli dan dibaca, karya yang menggugah daya pemikiran dan pemikirannya terarah kepada pemikiran kritis dan kritikal yang tiada tolok bandingnya. Penguasaan terhadap ilmu pengetahuan beliau itu merentasi pelbagai disiplin ilmu dalam kehidupan (Shaharom, 2012).

Kedai buku Syarikat H.M. Ally yang terletak di Lebuhraya Pasar Besar, Kuala Lumpur menjadi kedai buku pilihannya. Jaafar mula membeli majalah yang berkaitan dengan psikologi dengan harga RM1 sahaja setiap bulan dan melanggan majalah tersebut dengan RM12 selama setahun. Majalah yang menjadi pilihannya tentulah yang dapat memberikan keyakinan diri serta motivasi. Buku pertama yang dibelinya ialah *The Power of Positive Thinking* oleh Norman Vincent Peale yang diterbitkan pada tahun 1952.

Jaafar juga mempunyai koleksi buku yang mencecah 50,000 buah buku dan naskah terpilih yang meliputi pelbagai bidang. Disebabkan itu, beliau pernah mendapat liputan akhbar *The New Straits Times* kerana mempunyai koleksi buku yang luar biasa. Di perpustakaan rumahnya, hanya beliau sahaja yang tahu di mana koleksi buku yang ingin dibaca dan dirujuk walaupun dilimpahi dengan lautan buku pelbagai tajuk dan genre.

Jaafar mempunyai tabiat yang “unik” di mana setiap buku yang dibelinya pastinya direkodkan dengan deskripsi harga sebuah buku, tempat, tarikh buku itu diperolehi. Bahkan dilampirkan juga resit pembelian sebagai bukti buku tersebut telah diperolehi. Hal ini jelas menunjukkan, Jaafar melakukan praktis dalam pendokumentasian rekod ke atas setiap buku yang

---

<sup>2</sup>Dipetik daripada kata-kata beliau dalam buku “*Biblioholisme: Menelusuri Pesona Dunia Buku dan Pencintanya*” oleh Shaharom TM Sulaiman

diperolehnya di perpustakaan rumahnya dan membuktikan adanya nilai sejarah bagi setiap buku yang diperolehnya Menurut beliau, dengan menulis dan merekodkan setiap buku ini, ia terdapat satu kenangan yang indah dan bernilai tinggi pada masa akan datang. Jaafar juga mula menyedari hubungan kuat dan harmonis antara pembacaan dengan penulisan. Tidak mungkin seseorang itu menjadi penulis yang berkesan tanpa pembacaan yang meluas.

### **Bidang Pemikiran Kreatif**

Bidang pemikiran kreatif boleh didefinisikan sebagai penciptaan sesuatu yang kreatif dan luar biasa. Menurut beliau dalam bukunya yang bertajuk "*Dunia Pemikiran Jaafar Rahim*" (2015), pemikiran kreatif bermaksud berfikir secara terbuka, secara luas, secara luar biasa jika dibandingkan dengan pemikiran lain serta mengguna dan memanfaatkan peluang, alternatif dan mencipta perubahan serta pembaharuan. Hal ini jelas menunjukkan pemikiran kreatif adalah pemikiran yang menuntut seorang manusia itu untuk menggunakan logik dan kapasiti akal dalam membuat sesuatu penciptaan, perubahan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan dan sebagainya.

Menurut Jaafar lagi, dengan wujudnya pemikiran kreatif ini maka wujudnya proses perkembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar, khususnya. Pelajar disarankan mempunyai daya pemikiran kreatif agar proses pengajian dan ilmu pengetahuan berkembang pesat, maka akan terbentuk sebuah masyarakat yang mempunyai daya keintelektualan yang tinggi. Pemikiran kreatif ini harus diajari secara teori dan amali di menara gading. Ini kerana jika hanya sekadar teori sahaja diajar tetapi tidak dipraktikkan, bagaimana seorang pelajar dapat mengaplikasikan teori yang telah di pelajarinya. Oleh itu, adalah lebih mustahak jika teori dan amali tersebut diselarikan agar generasi muda yang terpelajar tidak bergantung secara total terhadap apa yang tercatat pada nota pensyarah malah mereka mempunyai daya logik akal yang tinggi dan bertindak sebagai intelektual dan pemikir.

Selain itu, Jaafar amat menyanjung tokoh pemikiran lateral yang terkenal iaitu, Dr. Edward de Bono<sup>3</sup>. Sebenarnya, beliau pernah berguru dengan Edward de Bono selama 6 bulan di London. Edward de Bono telah memperkenalkan satu kaedah baharu untuk menjadikan satu perkara yang mustahil dapat dilakukan oleh seseorang. Sebagai contoh, jika seseorang itu mempunyai idea atau cita-cita yang tinggi, ianya tidak mustahil untuk dilaksanakan berbekalkan keazaman, kekuatan dan semangat juang yang tinggi pasti membuahkan sebuah kejayaan.

Di samping itu, Jaafar telah mencetuskan gagasan pemikiran 4K iaitu 'Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan' hasil daripada pengaruh pemikiran Edward de Bono. Gagasan pemikiran ini adalah gabungan dari pemikiran kreatif dan pemikiran keseluruhan akal. Namun, beliau menyeimbangkan ilmu duniawi dan ukhrawi serta segala ilmu yang ditimba di dunia akan menjadi bekalan di hari akhirat kelak. Ia juga boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

### **Aktiviti Berpersatuan**

Jaafar Abdul Rahim juga terlibat aktif dalam aktiviti berpersatuan antaranya, Ahli Jawatankuasa Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)<sup>4</sup> pada tahun 1995-2006, Ketua Penerangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung pada tahun 1995-2000, Ketua Satu Persatuan Penulis Kuala Lumpur pada tahun 1998-2006, Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia pada tahun 2006-2008, Ahli Jawatankuasa Persatuan Kesusasteraan Kebangsaan pada tahun 1996-2005, Ahli Jawatankuasa Kesusasteraan Antarabangsa di peringkat antarabangsa dan sebagainya.

Di samping itu, beliau aktif melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan dan berpersatuan. Beliau percaya melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan ini dapat memantapkan fikiran, menambah ilmu pengetahuan, membentuk jati

---

<sup>3</sup>Tokoh pemikiran lateral yang terkenal dan telah mengabdikan masa selama 30 tahun untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang sistematik, kreatif meliputi semua disiplin ilmu.

<sup>4</sup>Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) adalah sebuah persatuan pelajar kebangsaan yang pertama ditubuhkan pada tahun 1948 berfungsi sebagai wadah untuk menimbulkan kesedaran mengenai pentingnya bidang akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu.

diri supaya lebih jitu. Bagi Jaafar, aktiviti berpersatuan ini juga dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli persatuan. Sebagai contoh, untuk melaksanakan sesuatu aktiviti seperti ceramah dan seminar memerlukan sokongan dan kerjasama yang tinggi dalam kalangan ahli. Oleh itu, kebaikan aktiviti ini dapat mengeratkan lagi semangat perpaduan, toleransi dan kerjasama dalam persatuan.

Jaafar juga aktif menyampaikan ceramah atau seminar di universiti awam dan universiti swasta hampir di seluruh negara dan juga organisasi awam dan swasta. Pada tahun 1993, beliau menyampaikan ceramah tentang pemikiran lateral di Masjid Sultan Singapura dan di Singapore Broadcasting Commission. Pada tahun yang sama juga, Jaafar turut memberi ceramah tentang "*Ancient Chinese Civilization*" di Universiti Nanyang dan National University of Singapore, Singapura. Ini membuktikan pengiktirafan antarabangsa terhadap pengetahuan yang beliau miliki.

Pada 22 Julai 2006, Seminar Pemikiran Jaafar Abdul Rahim<sup>5</sup> telah dianjurkan oleh Persatuan Karyawan Perak (Karyawan Pk), Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) untuk menghargai jasa dan sumbangan besar beliau dalam bidang pemikiran kreatif dan penulisan tanah air (Normala, 2006). 27 buah kertas kerja mengenai pemikiran beliau telah dibentangkan dalam seminar berkenaan. Antaranya adalah daripada Pensyarah Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa UPSI, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Yusof Hassan dalam kertas kerjanya bertajuk "Penglibatan dan Sumbangan Jaafar Rahim dalam Bidang Pemikiran" yang memperkatakan kehebatan beliau dalam menulis di kolum ruangan "Dunia Pemikiran" Utusan Malaysia pada tahun 1993-1996. Manakala Dr Talib Samat dalam kertas kerjanya bertajuk "Pemikiran Jaafar Abdul Rahim Sebagai Ilham Berkarya" mengatakan sumbangan pemikiran beliau yang memperkaya cakerawala dunia penulisan, pemikiran, pendidikan, penyiaran dan kesusasteraan perlu didokumentasikan agar tidak hilang ditelan zaman dan menjadi rujukan generasi terkemudian. Penyair terkenal tanah air, Dr. Lim Swee Tin turut

---

<sup>5</sup>Seminar Pemikiran Jaafar Abdul Rahim diadakan di Menara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 2 Julai 2006.



mengiktiraf sumbangan Jaafar Rahim menerusi puisinya yang berjudul “Tuhan, Inilah Sahabatku”.

### **Penghargaan dan Pencapaian**

Jaafar telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Pengiktirafan ini diterima hasil daripada usaha titik peluh beliau memartabatkan bidang kesusasteraan sehingga dikenali di peringkat antarabangsa. Beliau memperolehi tujuh anugerah tertinggi dari tahun 1982-2009 antaranya adalah ‘Tokoh Pembaca Buku’ kerana di rumahnya terdapat himpunan beribu buku dalam pelbagai bidang.

Dalam bidang penulisan, beliau mendapat anugerah Tokoh Penulis Terbaik Perak pada tahun 1995. Selain itu, pada tahun 2013, beliau mendapat gelaran Tokoh Pemikir GPMS Kebangsaan. Pada tahun 2014, Jaafar dianugerahi ‘Kajian Sastera Terbaik’. Beliau dianugerahkan gelaran Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M) daripada kerajaan negeri Melaka pada tahun 2009 yang membawa gelaran Datuk.

Di peringkat antarabangsa, Jaafar telah mendapat pengiktirafan tertinggi daripada *ASEAN Youthpreneur Community* sebagai Asean Thinker di atas sumbangan yang cemerlang dalam menggalakkan pemikiran falsafah, pemikiran logik, pemikiran kritikal, pemikiran kreatif, pemikiran lateral, kebijakan emosi dan pemikiran biosiatif yang memberikan manfaat dalam kalangan negara Asean termasuk Malaysia.

### **Nasihat dan Sokongan**

Jaafar berharap setiap manusia melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar kejayaan dapat dikecapi. Walaupun segala kritikan dan cabaran diterima, beliau tetap terus bertahan dan meneruskan perjuangan dalam bidang kesusasteraan yang mencabar. Bagi beliau, semua manusia mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam sesuatu bidang yang dianugerahkan Tuhan.

Oleh itu, kemahiran setiap manusia perlu digilap dan diasah agar ia menjadi satu kejayaan kepada diri sendiri dan memberi sumbangan pada masyarakat dan negara bangsa. Tanpa ilmu pengetahuan, pemikiran dan sastera itu

menjadi dangkal dan lompong. Justeru, orang yang mempunyai ilmu pengetahuan adalah orang yang beruntung kerana mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Beliau juga turut memberi nasihat dan sokongan kepada mereka yang ingin menulis dan berkarya agar terus menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, Datuk Jaafar Abdul Rahim adalah seorang tokoh aktivis sastra yang hebat dan disegani bukan hanya di peringkat kebangsaan malah peringkat antarabangsa juga. Kita sebagai rakyat Malaysia perlu menghargai dan mengiktiraf segala idea dan pemikiran yang telah disarankan oleh tokoh sastra ini yang telah menggerakkan bidang penulisan di Malaysia. Berdasarkan kisah hidup, Jaafar mempunyai semangat keberanian, kesungguhan, ketekunan, kegigihan dan komitmen dalam menggalakkan aktiviti kesusasteraan di Malaysia seperti puisi, sajak, cerpen, syair dan sebagainya. Bahkan Jaafar juga digelar sebagai Tokoh Pemikiran Kreatif kerana gagasan pemikiran yang beliau ciptakan hasil daripada ilmu pengetahuan dan pemikiran yang dimiliki.

Akhirnya, galakkan dan dorongan perlu diberikan kepada golongan muda untuk memantapkan ilmu pengetahuan dan pengalaman supaya karya yang dituliskan memandaikan manusia. Penulis muda perlu memperbanyakkan ilmu pengetahuan dan menghasilkan sebuah penulisan yang asli dan kreatif. Seperti diketahui, untuk membina peradaban sesebuah bangsa dan memajukan negara Malaysia, anak muda perlu mengenal dan mencintai ilmu pengetahuan dan pakar dalam sesuatu bidang agar dapat mencorakkan masa depan negara lebih gemilang.

### **BIBLIOGRAFI**

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) (2016). *Sejarah Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung*. Diakses pada 20 Oktober 2016 di <https://gpms.org.my/sejarah>

(Jaafar Abdul Rahim, temubual personal, 23 Oktober 2016).

Jaafar Abdul Rahim (2015). *Dunia Pemikiran Jaafar Rahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Nazarina Nawawi (2016). *Perkembangan Kecerdasan Kanak-Kanak*. Diakses pada 18 Oktober 2017 di <http://www.slideshare.net/nazarinanawawi/edward-de-bono>

Normala Mohamad Yusof (2006, Ogos 16). Sastera Penggerak Bahasa: Seminar Pemikiran Jaafar Abdul Rahim. *Berita Harian*, ms. 10.

Shaharom TM Sulaiman. (2012). *Biblioholisme: Menelusuri Pesona Dunia Buku dan Pencintanya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Wikipedia. (2012). *Jaafar Abdul Rahim*. Diakses pada 20 Oktober 2016 di [https://ms.wikipedia.org/wiki/Jaafar\\_Abdul\\_Rahim](https://ms.wikipedia.org/wiki/Jaafar_Abdul_Rahim)